**KENYATAAN MEDIA**
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
**NEGERI SABAH**

---

## A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di Negeri Sabah pada hari ini adalah sebanyak 643 kes. Bilangan kematian adalah 3 orang. Jumlah kumulatif kes COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 8,082 kes. Sehingga hari ini, seramai 2,970 pesakit dilaporkan telah sembuh. Manakala, seramai 5,048 pesakit sedang menerima rawatan dalam wad di seluruh Sabah.

2 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:

**PERKEMBANGAN HARIAN COVID-19 NEGERI SABAH**
PECAHAN KES MENGIKUT DAERAH PADA 19 OKTOBER 2020 (ISNIN)
PUSAT OPERASI PENGURUSAN BENCANA COVID-19 NEGERI SABAH

| DAERAH | POSITIF | KEMATIAN |
|---|---|---|
| SEMPORNA | 30 | 1 |
| KOTA KINABALU | 253 | 1 |
| LAHAD DATU | 40 | 0 |
| SANDAKAN | 52 | 1 |
| TAWAU | 135 | 0 |
| TUARAN | 27 | 0 |
| PUTATAN | 33 | 0 |
| PENAMPANG | 20 | 0 |
| TAMBUNAN | 0 | 0 |
| KENINGAU | 7 | 0 |
| KUNAK | 2 | 0 |
| PAPAR | 15 | 0 |
| RANAU | 2 | 0 |
| KOTA BELUD | 14 | 0 |
| BEAUFORT | 0 | 0 |
| KUDAT | 4 | 0 |
| KUALA PENYU | 2 | 0 |
| PITAS | 0 | 0 |
| KINABATANGAN | 4 | 0 |
| SIPITANG | 0 | 0 |
| KOTA MARUDU | 1 | 0 |
| TENOM | 1 | 0 |
| TELUPID | 0 | 0 |
| BELURAN | 1 | 0 |
| NABAWAN | 0 | 0 |
| TONGOD | 0 | 0 |
| JUMLAH | 643 KES | 3 KES |




| 643 | 3 | 0 |
|---|---|---|
| KES POSITIF | KES KEMATIAN | KLUSTER BARU |
| ▲ 59 KES | ▼ 3 KES | TIADA |

DAPATKAN INFORMASI TERKINI DAN SAHIH DARIPADA COMMAND.SABAH.GOV.MY

Hari ini Daerah Kudat telah menjadi zon merah. Ini menjadikan 16 daerah di Sabah dikategorikan sebagai zon merah.

## B. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD)

1 Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan dilaksanakan di dua (2) lokaliti iaitu Penjara Kepayan dan Kuarters Anggota Pegawai di Taman Mat Salleh, Kg. Matambai, Kepayan mulai 20 Oktober 2020. Jumlah keseluruhan lokaliti menjalani PKPD ialah 14 lokaliti.

## C. PERINCIAN SOP BAGI AKTIVITI-AKTIVITI KEMENTERIAN KERJA RAYA SABAH DAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SABAH

1 Bagi memastikan aktiviti perniagaan berterusan dan berjalan dengan teratur, perincian SOP di bawah bidang kuasa **Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sabah** adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

2 Manakala perincian SOP bagi aktiviti-aktiviti pembinaan dan penyelenggaraan Infrastruktur di bawah bidang kuasa **Kementerian Kerja Raya Sabah** adalah seperti di **LAMPIRAN B.**

3 Kerajaan Negeri menyeru supaya semua perincian SOP dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat sebagai usaha kita untuk membendung penularan COVID-19 di negeri Sabah.

## D. PERINCIAN SOP BAGI KAEDAH PENYERAHAN BARANG MAKANAN DAN BARANG KEPERLUAN DI KAWASAN PKPD: PANGSAPURI MUTIARA KASIH (PMK) DAN TAMAN KHAZANAH INDAH (TKI), DAERAH LAHAD DATU

1 Perincian SOP Bagi Kaedah Penyerahan Barang Makanan dan Barang Keperluan di Kawasan PKPD: Pangsapuri Mutiara Kasih (PMK) dan Taman Khazanah Indah (TKI), Daerah Lahad Datu adalah seperti di **LAMPIRAN C**.

## E. LARANGAN AKTIVITI SUKAN DAN REKREASI DI NEGERI SABAH

1 Aktiviti sukan dan rekreasi di negeri Sabah adalah masih **TIDAK DIBENARKAN**. Dengan itu, sebarang SOP yang membenarkan aktiviti Sukan dan Rekreasi adalah tidak terpakai di negeri Sabah.

## F. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar sedang berjalan lancar. Sehingga hari ini, **57,329** bakul makanan telah diagihkan.

Bagi membendung penularan COVID-19 di negeri ini, semua masyarakat digesa untuk sentiasa patuh kepada SOP PKPB yang sedang dilaksanakan di seluruh negeri ini termasuklah memastikan jarak fizikal dipatuhi setiap masa, pemakaian pelitup muka dan *hand sanitiser* serta kerap mencuci tangan. Kerjasama semua pihak adalah penting untuk mengekang penularan dan melandaikan lekuk jangkitan COVID-19 di Sabah.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**
**DAN**
**MENTERI KEWANGAN II**
19 Oktober 2020

**LAMPIRAN A**

# SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

| AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| 1. Pasar Awam Berbumbung<br>2. Pasar Borong | 6.00 Pagi hingga 2.00 Petang<br><br>Kapasiti Pekerja : 50% | Saringan Kesihatan | 1. Semua pekerja dan pembekal diambil suhu badan dan disaring untuk gejala setiap hari;<br>2. Pekerja yang mempunyai suhu melebihi 37.5 celcius dan menunjukkan simptom seperti sakit tekak,batuk, selsema dan susah bernafas tidak dibenarkan bertugas; dan<br>3. Pekerja dan pembekal diwajibkan memakai topeng muka atau *face mask*. | Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang. |
| | | Penjarakan Fizikal | Memastikan jarak fizikal 1 meter antara setiap pelanggan semasa pembelian | |
| | | Amalan Cuci Tangan | 1. Menyediakan fasiliti mencuci tangan dengan sabun dan air atau *hand sanitizer*; dan<br>2. Mewajibkan pekerja kerap membersihkan tangan selepas membuat satu tugasan kerja. | |
| | | Pembersihan dan Nyah Kuman | 1. Menggalakkan penggunaan peralatan makan *biodegradable* pakai buang; dan<br>2. Menggunakan cecair pencuci untuk melakukan nyah kuman mengikut garis panduan KKM terutamanya tempat yang kerap disentuh. | |

# SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

| AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| 1. Pasar Awam Berbumbung<br>2. Pasar Borong | 6.00 Pagi hingga 2.00 Petang<br><br>Kapasiti Pekerja : 50% | Saringan Kesihatan | Saringan kesihatan suhu badan, simptom dan riwayat kontak dengan pesakit COVID 19 atau kehadiran ke perhimpunan kepada semua pekerja warga tempatan dan asing yang memegang permit kerja (Pasar Borong). | Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang. |
| | | Membekalkan *Face Mask* | Membekalkan *face mask* secukupnya kepada pekerja dan memastikan pekerja memakainya setiap masa. | |
| | | Aplikasi MySejahtera | 1. Pengusaha Operator Premis wajib memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing untuk pengesanan kontak rapat; dan<br>2. Pengusaha Operator Premis perlu memastikan pekerja, pembekal dan pelanggan merekod kehadiran secara manual atau menggunakan aplikasi MySejahtera. | |
| | | Arahan Tetap | 1. Keperluan merekod kehadiran serta suhu badan pekerja setiap hari;<br>2. Disinfeksi bangunan setiap hari selepas operasii;<br>3. Kepentingan untuk menghadkan bilangan pelanggan dalam pasar pada satu satu masa; dan<br>4. Keperluan mempamerkan Notis Peringatan kepada pelanggan tentang SOP yang ditetapkan. | |

# SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

| AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| 1. Kompleks membeli belah, Pasaraya<br>2. Departmental store<br>3. Retail Shop Seperti Watson dan Guardian<br>4. Butik. Kedai pakaian dan aksesori fesyen<br>5. Kedai perabot;<br>6. Kedai emas;<br>7. Kedai elektrik & elektronik;<br>8. Kedai buku & alat tulis;<br>9. Hardware;<br>10. Makanan haiwan;<br>11. Bengkel Kenderaan<br>12. Kedai cermin mata<br>13. Dobi termasuk dobi layan diri | 6.00 Pagi hingga 6.00 Petang<br><br>Kapasiti Pekerja : 50% | Kebersihan Premis | 1. Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan selepas operasi; dan<br>2. Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi terutamanya di kawasan tumpuan umum seperti surau, tandas, stor, pejabat dan kaunter. | Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang |
| | | Pengurusan Pelanggan | 1. Meng awal laluan keluar masuk pelanggan ke kompleks premis perniagaan;<br>2. Menghadkan kemasukan pelanggan ke dalam premis pada satu satu masa. Bilangan pelanggan tertakluk kepada keluasan premis;<br>3. Melaksana Program Kesedaran Awam; dan<br>4. Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis atau merekodkan kehadiran pelanggan secara manual. | |
| | | Saringan Kesihatan | 1. Memastikan semua staf , pembekal dan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera dan saringan suhu badan; dan<br>2. Pengambilan suhu badan hanya sekali sahaja di pintu masuk kompleks dan bukan di setiap premis perniagaan bawah satu kompleks | |
| | | Penggunaan *Hand Sanitizer* | *Hand sanitizer* disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum memasuki premis. | |
| | | Pemakaian Pelitup Muka atau *Face Mask* | Mewajibkan pemakaian pelitup muka atau *face mask* oleh pekerja dan pelanggan ketika berurusan. | |

# SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

| AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| 1. Kompleks membeli belah, Pasaraya<br>2. Departmental store<br>3. Retail Shop Seperti Watson dan Guardian<br>4. Butik. Kedai pakaian dan aksesori fesyen<br>5. Kedai perabot;<br>6. Kedai emas;<br>7. Kedai elektrik & elektronik;<br>8. Kedai buku & alat tulis;<br>9. Hardware;<br>10. Makanan haiwan;<br>11. Bengkel Kenderaan<br>12. Kedai cermin mata<br>13. Dobi termasuk dobi layan diri | 6.00 Pagi hingga 6.00 Petang<br><br>Kapasiti Pekerja : 50% | Pemantauan dan Pematuhan | 1. Menyelaras dan memantau supaya semua peraturan dipatuhi oleh pekerja dan pelanggan; dan<br>2. Meningkatkan kesedaran tentang kebersihan premis dan pekerja. | Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang |
| | | Penjarakan Fizikal | Memastikan penjarakan fizikal 1 meter sepanjang masa. | |
| | | Transaksi Tanpa Sentuhan | Digalakkan membuat bayaran secara elektronik. | |
| | | Arahan Tetap | 1. Tertakluk kepada peraturan dan arahan Pihak Berkuasa Tempatan dari semasa ke semasa; dan<br>2. Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan | |

# SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

<table>
<tr><th rowspan="2">AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT</th><th rowspan="2">TEMPOH OPERASI</th><th colspan="2">STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)</th><th rowspan="2">AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN</th></tr>
<tr><th>TINDAKAN</th><th>PENERANGAN RINGKAS</th></tr>
<tr><td rowspan="4">1. Gunting Rambut Asas; dan<br>2. Cuci Rambut Asas.</td><td rowspan="4">6.00 Pagi hingga 6.00 Petang<br><br>Kapasiti Pekerja : 50%</td><td>Pembersihan dan Disinfeksi Premis (sebelum, semasa, selepas)</td><td>Proses pembersihan dan disinfeksi dilaksanakan 3 kali sehari ( semasa dan selepas) di tempat umum yang kerap disentuh seperti kaunter, pemegang pintu, kerusi dan meja tempat menunggu.</td><td rowspan="4">1. Rawatan Muka (facial); dan<br>2. Manicure & Pedicure</td></tr>
<tr><td>Proses Penerimaan Pelanggan</td><td>1. Adalah digalakkan menerima pelanggan berdasarkan temu janji; dan<br>2. Membenarkan pelanggan walk in hanya jika tiada pelanggan dalam premis.</td></tr>
<tr><td>Saringan Pelanggan Semasa Pendaftaran Masuk</td><td>1. Periksa suhu badan bagi setiap pelanggan;<br>2. Wajib mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis atau mendaftar secara manual;<br>3. Pelanggan dengan suhu melebihi 37.5ºC, tidak dibenarkan untuk masuk ke dalam premis;<br>4. Menyediakan hand sanitizer untuk pelanggan;<br>5. Wajib untuk membersih tangan sebelum dan selepas menyentuh Buku Daftar dengan hand sanitizer (jika guna Buku Daftar; dan<br>6. Pelanggan adalah wajib memakai face mask.</td></tr>
<tr><td>Amalan Penjarakan Fizikal</td><td>1. Amal jarak fizikal 1 meter semasa bergerak masuk ke dalam premis dan semasa pelanggan menunggu giliran mendapatkan perkhidmatan; dan<br>2. Jarak antara satu kerusi tukang gunting dengan kerusi yang lain sekurang kurangnya 2 meter.</td></tr>
</table>

# SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

| AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| 1. Gunting Rambut Asas; dan<br>2. Cuci Rambut Asas. | 6.00 Pagi hingga 6.00 Petang<br><br>Kapasiti Pekerja : 50% | Persediaan Bagi Semua Tuan Punya Premis dan Pekerja | 1. Pendaftaran semua Premis Perkhidmatan Kedai Gunting Rambut dan Hair Dresser dengan pihak PBT. Hanya premis yang BERDAFTAR SAHAJA DENGAN PBT dibenarkan beroperasi;<br>2. Tuan Punya Premis perlu beri taklimat SOP kepada semua pekerja;<br>3. Tuan Punya Premis membuat persediaan premis, peralatan gunting rambut, *hand santizer* , *face mask*, *glove*, apron, alat pengukur suhu infrared *hand held thermometer* bahan disinfeksi premis, pelan perancangan temu janji pelanggan, pelan rekod pelanggan (samada manual atau Apps MySejahtera);<br>4. Menggalakkan pekerja dan pelanggan menggunakan aplikasi MySejahtera; dan<br>5. Pastikan pencahayaan dan pengudaraan premis yang mencukupi | 1. Rawatan Muka (*facial*); dan<br>2. Manicure & Pedicure |
| | | Semakan Status Pekerja | 1. Memastikan setiap pekerja warga asing mematuhi sebarang arahan Kerajaan terkini bagi keperluan ujian COVID 19 dari semasa ke semasa dan pemakaian pelitup muka atau *face mask* adalah diwajibkan;<br>2. Pemeriksaan suhu badan dan saringan gejala seperti batuk, sakit tekak atau sesak nafas bagi pekerja setiap hari sebelum masuk kerja;<br>3. Hanya pekerja yang bebas dari demam atau gejala COVID 19 dibenarkan bekerja; dan<br>4. Mana mana pekerja yang termasuk dalam kategori Contact atau PUI atau PUS COVID 19 tidak dibenarkan bekerja. | |

# SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

| AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| 1. Gunting Rambut Asas; dan<br>2. Cuci Rambut Asas. | 6.00 Pagi hingga 6.00 Petang | Pelanggan yang Bertanggungjawab | 1. Mematuhi arahan penjarakan fizikal dan wajib memakai *face mask* dan apron pakai buang;<br>2. Sentiasa mengamalkan kebersihan tangan dengan menggunakan *hand sanitizer* dan mengamalkan etika batuk; dan<br>3. Hanya bersedia untuk guntingan rambut jika selepas tukang gunting selesai melakukan pembersihan dan nyah kuman kerusi gunting rambut dan peralatan gunting. | 1. Rawatan Muka (*facial*); dan<br>2. Manicure & Pedicure |
| | Kapasiti Pekerja : 50% | Prosedur Gunting Rambut | 1. Pekerja Gunting Rambut wajib memakai *face mask* sepanjang masa. Pemakaian *face shield* dan *disposable gown* oleh Pekerja Gunting Rambut adalah digalakkan;<br>2. Pelanggan diwajibkan memakai *face mask* semasa gunting rambut asas;<br>3. Sebelum dan selepas prosedur gunting rambut, kerusi gunting rambut dan peralatan (seperti gunting dan sikat) perlu didisinfeksi;<br>4. Pekerja Gunting Rambut wajib memakai satu set glove bagi setiap pelanggan;<br>5. Setiap pelanggan mesti memakai apron pakai buang (*disposible haircut apron cape / cloth*) semasa gunting rambut;<br>6. Tidak boleh guna tuala yang dikongsi;<br>7. Tempoh masa untuk keseluruhan sesi tidak melebihi satu jam;<br>8. Selepas guntingan, Pekerja Gunting Rambut perlu membersihkan tangan dengan sabun dan air atau hand sanitiser serta menggunakan glove baru; dan<br>9. Semua bahan pakai buang ( *glove, apron, gown* ) perlu dibuang dalam bakul sampah bertutup. | |

# SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

| AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| 1. Gunting Rambut Asas; dan<br>2. Cuci Rambut Asas. | 6.00 Pagi hingga 6.00 Petang<br><br>Kapasiti Pekerja : 50% | Masa dan prosedur gunting rambut kumpulan umur berisiko seperti berikut:<br>1. umur kurang dari 12 tahun; dan<br>2. umur 60 tahun. | 1. Proses guntingan adalah diwajibkan secara temu janji dan tanpa kehadiran lain-lain pengunjung (dari kumpulan umur yang lain);<br>2. Ibu bapa dibenarkan berada bersama kanak-kanak semasa guntingan tetapi diwajibkan memakai face mask dan perlu mematuhi pemakaian alat pelindung diri seperti apron pakai buang; dan<br>3. Waktu kehadiran pelanggan untuk golongan umur 60 tahun dan ke atas adalah digalakkan dari jam 9.00 pagi - 11 00 pagi. | 1. Rawatan Muka (*facial*); dan<br>2. Manicure & Pedicure |
| | | Urusan Pembayaran Selepas Gunting Rambut | Galakan untuk pembayaran secara cashless | |
| | | Arahan Tetap | 1. Akta 342;<br>2. Akta Polis;<br>3. Arahan MKN & KKM;<br>4. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan ( yang berkuatkuasa); dan<br>5. Operasi di PKPD tidak dibenarkan | |

# SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

| AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| 1. Premis Makanan;<br>2. Premis Menjual Makanan;<br>3. Kenderaan Saji Food Truck;<br>4. Penjaja Tepi Jalan (Sementara);<br>5. Restoran;<br>6. Gerai Makan Tepi Jalan (Berbumbung);<br>7. Kiosk; dan<br>8. Kedai Serbaneka | 6.00 Pagi hingga 8.00 Malam<br><br>Kapasiti Pekerja : 50% | Kebersihan Premis | Proses nyahkuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari semasa dalam tempoh perniagaan beroperasi. | Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang |
| | | Penggunaan *Hand Sanitizer* | *Hand sanitizer* disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum memasuki premis. | |
| | | Penjarakan Fizikal | 1. Memastikan kawalan keluar masuk pelanggan;<br>2. Memastikan kehadiran pekerja dan pelanggan direkodkan;<br>3. Mematuhi penjarakan fizikal 1 meter semasa berada di premis; dan<br>4. Menghadkan bilangan pelanggan berada di premis pada satu satu masa. Bilangan pelanggan adalah berdasarkan keluasan premis. | |
| | | Pemakaian Pelitup Muka atau *Face Mask* | Mewajibkan pekerja dan pelanggan memakai *face mask* semasa berada di dalam premis. | |
| | | Mengambil Suhu Badan | Mengambil suhu badan pekerja dan pelanggan. | |
| | | Transaksi tanpa sentuhan | Digalakkan membuat bayaran secara elektronik. | |
| | | Penggunaan Aplikasi MySejahtera | 1. Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis; dan<br>2. Memastikan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera. | |

# SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

<table>
<tr><th rowspan="2">AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT</th><th rowspan="2">TEMPOH OPERASI</th><th colspan="2">STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)</th><th rowspan="2">AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN</th></tr>
<tr><th>TINDAKAN</th><th>PENERANGAN RINGKAS</th></tr>
<tr><td rowspan="5">1. Premis Makanan;<br>2. Premis Menjual Makanan;<br>3. Kenderaan Saji Food Truck;<br>4. Penjaja Tepi Jalan (Sementara);<br>5. Restoran;<br>6. Gerai Makan Tepi Jalan (Berbumbung);<br>7. Kiosk; dan<br>8. Kedai serbaneka</td><td rowspan="5">6.00 Pagi hingga 8.00 Malam<br><br>Kapasiti Pekerja : 50%</td><td>Dine In</td><td>1. Dine In adalah TIDAK DIBENARKAN.<br>2. Semua proses pembelian adalah terhad untuk pembelian secara pandu lalu (jika berkenaan), take away atau secara penghantaran (delivery) sahaja.</td><td rowspan="5">Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang</td></tr>
<tr><td>Tempahan Secara Atas Talian</td><td>Digalakkan membuat tempahan secara atas talian atau melalui panggilan telefon.</td></tr>
<tr><td>Transaksi Tanpa Sentuhan</td><td>Digalakkan membuat pembayaran secara elektronik.</td></tr>
<tr><td>Penggunaan Aplikasi MySejahtera</td><td>1. Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis; dan<br>2. Memastikan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera.</td></tr>
<tr><td>Arahan Tetap</td><td>1. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan; dan<br>2. Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan</td></tr>
</table>

# SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

| AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Other Specialty Retail Stores :<br>Stesen minyak | 6.00 Pagi hingga 8.00 Malam<br><br>Kapasiti Pekerja : 50% | Kebersihan Premis | Proses nyah kuman di premis dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi dan pump nozzle dinyah kuman secara kerap. | Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang |
| | | Penggunaan *Hand Sanitizer* | *Hand sanitizer* disediakan di pintu masuk dan dipastikan penggunaannya sebelum memasuki premis. | |
| | | Penjarakan Fizikal | 1. Memastikan kawalan keluar masuk pelanggan;<br>2. Memastikan kehadiran pekerja dan pelanggan direkodkan;<br>3. Mematuhi penjarakan fizikal 1 meter semasa berada di premis; dan<br>4. Menghadkan bilangan pelanggan berada di premis pada satu satu masa. Bilangan pelanggan adalah berdasarkan keluasan premis. | |
| | | Pemakaian Pelitup Muka atau *Face Mask* | Mewajibkan pekerja dan pelanggan memakai *face mask* semasa berada di dalam premis. | |
| | | Mengambil Suhu Badan | Mengambil suhu badan pekerja dan pelanggan. | |
| | | Transaksi Tanpa Sentuhan | Digalakkan membuat bayaran secara elektronik. | |
| | | Tindak Balas Keselamatan | Syarikat perlu mewujudkan Jawatankuasa Tindak Balas Menangani COVID 19 bagi penyediaan dan pelaksanaan tatacara mengurus kes kes jangkitan COVID-19. | |

# SEKTOR PERNIAGAAN YANG DIBENARKAN

| AKTIVITI PERNIAGAAN TERLIBAT | TEMPOH OPERASI | STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) | | AKTIVITI YANG TIDAK DIBENARKAN |
|---|---|---|---|---|
| | | TINDAKAN | PENERANGAN RINGKAS | |
| Other Specialty Retail Stores : Stesen minyak | 6.00 Pagi hingga 8.00 Malam | Penggunaan Aplikasi MySejahtera | 1. Pemilik premis diwajibkan mendaftar dan memuat turun aplikasi MySejahtera untuk digunakan oleh pelanggan yang memasuki premis; dan<br>2. Memastikan pelanggan melalui proses rekod kehadiran secara manual atau aplikasi MySejahtera. | Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang |
| | Kapasiti Pekerja : 50% | Arahan Tetap | 1. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa; dsn<br>2. Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan. | |

**LAMPIRAN B**

Kemaskini pada 16 Oktober 2020 - KKR

# KEMENTERIAN KERJA RAYA

## SOP PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 AKTA 342 DI SELURUH NEGERI SABAH (13 – 26 OKTOBER 2020)







Kemaskini pada 16 Oktober 2020 - KKR

# KEMENTERIAN KERJA RAYA

## STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)

1. SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM
2. SEKTOR PENGANGKUTAN MARITIM
3. SEKTOR PEMBINAAN DAN PEYELENGGARAAN

Kemaskini pada 16 Oktober 2020 - KKR

# SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM

## 1. AKTIVITI PENGANGKUTAN AWAM DARAT DAN LOGISTIK



1.1 Perkhidmatan Teksi & E-Hailing;
1.2 Perkhidmatan Keretapi;
1.3 Stesyen Minyak / Stesyen POL

3

# 1.1 - SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM (TEKSI / E-HAILING)

## Merangkumi

**Operasi perkhidmatan bas , teksi dan e-hailing**

**Penghantar Makanan ( 6 pagi – 6 petang sahaja)**

Menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

1. Akta 342 : Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
2. Pekeliling MKN & KKM
3. Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
4. Akta Pengangkutan Jalan 1987
5. Akta Pengangkutan Awam Darat 2010
6. Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Beroperasi** | **6 pagi – 8 malam** | **Waktu Kehadiran Pelanggan** | **6 pagi – 8 malam** | **Kapasiti Pekerja** | **50%** |

**Kemaskini pada 16 Oktober 2020 - KKR**

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 1. Perkhidmatan teksi dan e-hailing | i. Memastikan hanya dua orang penumpang sahaja dibenarkan dibawa pada satu-satu masa.<br>ii. Penumpang hanya dibenarkan duduk dibelakang sahaja.<br>iii. Semua teksi / e-hailing tidak dibenarkan keluar dari daerah |
| 2. Menggunakan transaksi tanpa sentuhan. | i. Menggalakkan tambang dibayar secara online dan bukan tunai. |
| 3. Menggalakkan penggunaan *hand sanitizer.* | i. Pemandu dan penumpang digalakkan menggunakan hand sanitizer sebelum dan selepas mengambil/menurunkan penumpang atau penumpang menaiki/menurun kenderaan. |
| 4. Pemakaian pelitup separuh muka | i. Pemandu dan penumpang perlu memakai pelitup separuh muka |
| 5. Pembersihan dan Sanitasi | i. Pembersihan kenderaan setelah tamat waktu operasi. |

4

# 1.2 - SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM (KERETAPI )

## Merangkumi

**Operasi perkhidmatan keretapi**
Menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang bagi laluan:

- KK/Beaufort/KK (dihentikan)
- Beaufort/Halogilat: 0450 dan 1330
- Tenom/Rayoh: 0730 dan 1500

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

1. Akta 342 : Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
2. Pekeliling MKN & KKM
3. Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
4. Enakmen Kereta Api 2017 Jabatan Keretapi Negeri Sabah.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Waktu Beroperasi** | **6:00 pagi – 6:00 petang** | **Waktu Kehadiran Pelanggan** | **6:00 pagi – 6:00 petang** | **Kapasiti Pekerja** | **50%** |

**Kemaskini pada 16 Oktober 2020 - KKR**

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 1. Memastikan penjarakan sosial 1 meter sebelum, semasa dan selepas menaiki tren. | i. Menyediakan kakitangan untuk memastikan pematuhan penjarakan sosial.<br>ii. **Menetapkan bilangan penumpang pada kadar 50%** daripada kapasiti tren melalui penetapan susun atur tempat duduk dan berdiri.<br>iii. Menyediakan fasiliti hebahan awam tentang kepentingan penjarakan sosial, pemakaian penutup mulut/hidung dan mengutamakan kebersihan. |
| 2. Pembersihan dan sanitasi. | i. Pembersihan tren dan fasiliti selepas setiap trip serta di depoh selepas tamat operasi. |
| 3. Pemakaian pelitup separuh muka | i. Penumpang, peniaga dan kakitangan memakai pelitup separuh muka sepanjang masa |
| 4. Penggunaan *hand sanitizer.* | i. Menyediakan akses kepada *hand sanitizer* di premis berbayar dan tidak berbayar di stesen. |
| 5.Mengambil dan merekod suhu penumpang. | i. Menyediakan pengimbas terma (thermal scanner) di semua pintu masuk stesen dan jentera. |
| 6. Memastikan penjarakan sosial 1 meter di premis perniagaan dan fasiliti awam. | 1. Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa penumpang berada di kawasan premis perniagaan dan semasa menggunakan fasiliti awam seperti surau dan ruang menunggu |
| 7. Pintu / laluan masuk dan keluar premis | 1. Menyedia laluan berasingan bagi masuk dan keluar pekerja/penumpang. |

5

# 1.3 - SEKTOR PENGANGKUTAN (STESEN MINYAK)

## Merangkumi

- Stesyen minyak komersial
- Stesyen POL bagi operasi pembekalan minyak kenderaan kerajaan

| Waktu Beroperasi | 6:00 pagi – 8:00 malam | Waktu Kehadiran Pelanggan | Mengikut jadual yang ditetapkan oleh PBT dan JKR | Kapasiti Pekerja | 50% |
|---|---|---|---|---|---|

**Kemaskini pada 16 Oktober 2020 - KKR**

## Semua aktiviti dibenarkan kecuali

Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam aktiviti yang dilarang

## Arahan Tetap

1. Arahan MKN
2. Akta 342 : Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988
3. Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Pindaan 2020).
4. Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah

**AKTIVITI DAN PROTOKOL**

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 1. Kebersihan Premis | i. Proses nyah kuman dan pembersihan dilaksanakan 3 kali sehari dalam tempoh operasi selepas operasi; dan<br>ii. Pam nozzle dinyah kuman secara kerap. |
| 2. Penggunaan Hand Sanitiser | i. Memastikan penggunaan hand sanitiser. |
| 3. Penjarakan Sosial | i. Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa dalam premis dan dikawasan operasi stesen minyak; dan<br>ii. Menghadkan bilangan pelanggan berada di dalam premis pada satu-satu masa. |
| 4. Penggunaan *Hand Sanitiser* dan pelitup separuh muka | i. Mewajibkan penggunaan *hand sanitiser* berasaskan alkohol, atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun; dan<br>ii. Mewajibkan penggunaan pelitup separuh muka kepada pelanggan dan pekerja. |
| 5. Mengambil dan Merekod Suhu Badan | i. Mengambil dan merekod suhu badan pekerja dan pelanggan. |
| 6. Transaksi Tanpa Sentuhan | i. Digalakan membuat bayaran secara elektronik atau cashless. |
| 7. Peraturan/Arahan Pihak Berkuasa Tempatan | i. Tertakluk kepada peraturan Pihak Berkuasa Tempatan; dan<br>ii. Operasi di kawasan PKPD adalah berdasarkan SOP KKM. |
| 8. Pintu / laluan masuk dan keluar premis | 1. Menyedia laluan berasingan bagi masuk dan keluar pekerja/penumpang. |

6

# SEKTOR PENGANGKUTAN AWAM

## 2. AKTIVITI PENGANGKUTAN MARITIM



2.1 Pelabuhan;
2.2 Jeti Persendirian;
2.3 Jeti Awam (Penumpang & Barangan);
2.4 Feri Penumpang/Ro-Ro Domestik
(Menumbok/Labuan & Kudat/Pulau Bangi);
2.5 Bot Penambang (Menumbok/Labuan).

# 2.1 – PERKHIDMATAN PELABUHAN

| Waktu Beroperasi | 24 Jam (bergantung kepada ketibaan kapal) | Waktu Kehadiran Pelanggan (pejabat) | 8:00 pagi – 5:00 petang | Kapasiti Pekerja | 50% |
|---|---|---|---|---|---|

**Kemaskini pada 16 Oktober 2020 - KKR**

## Merangkumi

Kawalan Ketibaan Kapal Dalam Kawasan Had Pelabuhan Negeri Sabah

## Aktiviti dibenarkan

- Aktiviti ekonomi dan industri
- Melaksanakan tugas rasmi Kerajaan
- Mendapatkan keperluan asas
- Mendapatkan rawatan kesihatan
- Urusan kecemasan dengan kebenaran PDRM

## Arahan Tidak Dibenarkan

- Pergerakan dalam kawasan PKPB bagi tujuan selain aktiviti dibenarkan tanpa kebenaran PDRM
- Pergerakan rentas daerah tanpa kebenaran PDRM

## Arahan Tetap

1. Akta 342 Tertakluk kepada ketetapan yang dikeluarkan oleh MKN dan KKM
2. Arahan dan peraturan di bawah PBT
3. Lain- lain arahan dari semasa ke semasa yg dikeluarkan oleh Pegawai Diberikuasa di bawah Akta 342
4. Arahan Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah
5. Ordinan Perkapalan Saudagar 1960
6. Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga 2002
7. Pekeliling-Pekeliling Pelabuhan & Dermaga
8. Notis Pelabuhan Dan Dermaga

| Tindakan | Penerangan Ringkas |
|---|---|
| 1. Ketibaan kapal | i. Kapal yang tiba di had pelabuhan hendaklah berlabuh di kawasan labuhan kuarantin. |
| 2. Pemeriksaan Kapal oleh JKNS/KKM | i. Kapal hendaklah diperiksa dan nakhoda serta semua anak kapal dikehendaki menjalani saringan kesihatan di labuhan kuarantin.<br>ii. Jika tiada masalah, JKNS/KKM memberi pelepasan dan status "Free Pratique" kepada kapal atau mengeluarkan sijil kesihatan pelabuhan (port health certificate). |
